

KURSUS PERSEDIAAN CUTI BELAJAR

1) Bagaimana cara untuk memohon bagi kursus ini?

- Peserta Luar & 'Fellowship' – Hantar surat permohonan kursus ke Profesional-UKM
- Peserta UKM – Permohonan melalui laman sesawang www.ukm.my/espel

2) Berapakah bayaran bagi peserta luar UKM?

- Caj bayaran yuran cuti belajar RM1500.00.

3) Terdapat tajuk NVivo dan SPSS, adakah pihak urusetia menyediakan perisian tersebut?

- Anda perlu muat turun perisian tersebut sebelum menghadiri kursus.

4) Adakah saya perlu membentangkan Cadangan Penyelidikan?

- Ya, anda dikehendaki membentangkan kerangka cadangan penyelidikan di akhir kursus.

5) Apakah format pembentangan cadangan penyelidikan (Word/Powerpoint/Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris)?

- Format pembentangan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh tenaga pengajar kursus berkenaan.



6) Saya dapat hadir semua modul, tetapi tidak dapat hadir sesi pembentangan kerana ada kekangan kerja. Adakah saya dapat membentangkannya pada kursus akan datang atau Urusetia akan mengaturkan satu sesi pembentangan khas untuk saya?

- Anda **WAJIB** membuat pembentangan Kerangka Cadangan Penyelidikan.
- Gred **GAGAL** akan diberikan jika anda tidak membuat pembentangan tersebut. Jadi, **anda perlu mengaturkan sendiri** dengan Ketua Jabatan anda bagi mendapatkan satu sesi khas pembentangan.

7) Bagaimana jika saya tidak lulus pembentangan Kerangka Cadangan Penyelidikan?

- Anda dikehendaki membuat pembentangan Kerangka Cadangan Penyelidikan semula dengan Ketua Jabatan anda dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat pemakluman gred **GAGAL** dikeluarkan.
- Sekiranya anda **GAGAL** membuat pembentangan dalam tempoh 3 bulan anda **WAJIB** mengulang kursus tersebut sepenuhnya.

8) Jika tidak hadir beberapa topik, adakah saya layak mendapat sijil kursus?

Anda hanya akan layak mendapat sijil sekiranya anda memenuhi sekurang-kurangnya 80% keperluan modul yang meliputi kehadiran dan keperluan tugas

